



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
CAWANGAN TAWAU  
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN  
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750  
Faks : 089-773 688  
Web : <https://tawau.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1/2 JLD 9 (5)  
Tarikh : 12 Oktober 2023

**Ketua Jabatan  
Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Daerah Tawau, Kunak, Semporna, Lahad Datu**

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (INTERIM) LEJAR AKRUAN - TARIKH  
AKHIR PENJANAAN LAPORAN DI PORTAL iGFMS**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat BPOPA rujukan JANM.BPOPA.600-2/2/5 Jld.1 (14) bertarikh 11 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **TARIKH AKHIR** penjanaan Laporan di Portal iGFMS bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan (Interim - 30 September 2023) Lejar Akruan PTJ adalah pada **16 OKTOBER 2023 (ISNIN)**. Selepas tarikh ini, baki di laporan-laporan berkaitan (rujuk panduan penyediaan KKS Lejar Tunai dan Akruan Tahun 2023) akan berubah dan tidak akan sama dengan Penyata Kewangan Bagi Bulan Berakhir 30 September 2023. Ini adalah susulan aktiviti MDM bagi akaun PFI II yang akan bermula pada 17 Oktober 2023 (Selasa) dan aktiviti ini akan melibatkan tarikh posting ke belakang (backdated).

3. Sehubungan dengan itu, semua PTJ yang terlibat hendaklah mengambil tindakan **SEGERA** untuk menjana laporan yang berkaitan penyediaan Kertas Kerja Sokongan (Interim - 30 September 2023) Lejar Akruan. Kerjasama tuan/puan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A.(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Cawangan Tawau